UUM/AA49/BH/30.09.2005/p: 14(6)

Peratusan tinggi mengundi di UUM

BH 30/9/05
14:6.

LEBIH 93 peratus pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) keluar membuang undi bagi memilih 13 calon kerusi umum pada pilihan raya kampus universiti itu, semalam.

Kolej Eon mendahului dengan 98.7 peratus, diikuti Yayasan Albukhary (98.5), TNB (97.9), Guthrie (97.9), Petronas (97.8), Proton (97.8), Telekom (97.1), MISC (96.5), Bank Muamalat (95.9), Pernas (95.5), Perwaja (95.1), Bukit Kachi I (93.2), Bukit Kachi II (90.9), MAS (90.8) dan Maybank (37.3).

Naib Canselornya, Datuk Dr Nordin Kardi, berkata peratusan tinggi keluar mengundi itu menunjukkan semangat dan tanggungjawab pelajar universiti berkenaan dalam memilih wakil mereka dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Katanya, proses pembuangan undi yang dibuka mulai jam 9 pagi hingga 1 petang di 15 kolej kediaman universiti itu juga berjalan lancar dalam suasana persahabatan.

Sambil berharap suasana harmoni itu berkekalan, beliau turut mengingatkan calon mahupun pelajar lain tidak mengorbankan persahabatan dan perpaduan kaum semata-mata kerana menang atau tewas padapemilihan itu.

"Bagi calon menang diucapkan tahniah dan diharap akan memikul tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Demikian calon kalah, juga diucapkan tahniah kerana mereka berani menawarkan diri untuk bertanding.

"Saya juga berharap selepas pemilihan ini, mereka akan bersatu padu dan tidak seorang pun tersisih kerana menyertai pemilihan MPP ini," katanya.

Dalam pemilihan MPP UUM, 26 kerusi fakulti dimenangi tanpa bertanding pada hari penamaan calon Isnin lalu.